

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Khamis, 4 Mei 2023**



## **RAKAN BAHASA DAN GURU-GURU BERKUMPUL SECARA FIZIKAL SETELAH TIGA TAHUN MENYERTAI PROGRAM SECARA MAYA**

Khamis, 4 Mei 2023 – Para pelajar dari pelbagai sekolah berkumpul secara fizikal di Pusat Kebudayaan Cina Singapura (Singapore Chinese Cultural Centre) untuk sebuah sesi rangkaian dan latihan setelah tiga tahun program-program Rakan Bahasa dijalankan secara maya. Puan Rahayu Mahzam, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, ahli MBMS, Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Undang-undang menjadi tetamu kehormat bagi acara tersebut. Pada tahun ini, seramai 368 orang pelajar dari 185 buah sekolah dilantik sebagai Rakan Bahasa oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS).

“Kami sangat teruja dapat bertemu secara empat mata dengan Rakan-rakan Bahasa dan guru-guru mereka setelah sekian lama. Saya gembira tatkala melihat wajah-wajah anak-anak muda kita yang mempamerkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu. Interaksi secara peribadi dan bersemuka amat penting jika kita mahu terus melibatkan anak-anak kita dalam pembelajaran dan penggunaan bahasa ibunda kita,” kata Puan Rahayu.

“Kami berharap sesi pada hari ini dapat mengukuhkan keinginan Rakan Bahasa untuk melestarikan bahasa ibunda dalam kalangan rakan-rakan dan ahli keluarga mereka. Pada masa yang sama, sesi pada hari ini juga memperbaharui semangat kita untuk terus memupuk minat anak-anak terhadap bahasa Melayu, dengan harapan mereka menjadi pengguna-pengguna bahasa yang baik pada masa hadapan,” tambah Puan Rahayu.

Puan Rahayu mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar atas pelantikan mereka, dan berterima kasih kepada para guru dan ibu bapa atas sokongan padu yang diberikan kepada pelajar-pelajar dan anak-anak mereka. Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa tersebut juga berkongsi tentang program-program yang dirancang oleh Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa.

Salah satu program unggul Rakan Bahasa ialah ‘Pertandingan TeeVers’ yang dijalankan dari 10 sehingga 14 April 2023. ‘Pertandingan TeeVers’ yang dilancarkan sejak tahun 2018



**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Khamis, 4 Mei 2023**

merupakan sebuah pertandingan untuk pelajar mencipta video laporan berita dengan menggunakan aplikasi Moo-V tajaan Teevers Pte Ltd. Sewaktu acara petang tadi, Puan Rahayu menyampaikan piala dan pingat kepada pemenang-pemenang pertandingan tahun ini. Untuk gambar-gambar sesi taklimat dan latihan yang dijalankan sebagai persiapan bagi pertandingan ini, sila ketik [pautan ini](#). Untuk senarai pemenang pertandingan, sila lihat Lampiran A.

Sewaktu acara petang tadi, sebuah sesi perkongsian telah dijalankan oleh Duta Bahasa, Encik Hairianto Diman. Beliau berkongsi pelbagai panduan yang baik dan berguna mengenai cara penyampaian. Beliau juga telah berkongsi kepentingan dan kerelevanan bahasa Melayu dalam kerjaya dengan para pelajar.

Tempat untuk Sesi Rangkaian dan Latihan Rakan Bahasa 2023 ditaja oleh SCCC.

**Program-program Rakan Bahasa yang Lain**

Terdapat program-program lain yang telah dirancang untuk Rakan Bahasa pada tahun ini. Program-program ini dianjurkan untuk para pelajar memperdalam rasa cinta mereka terhadap bahasa Melayu, dan membina keyakinan mereka ketika menggunakan bahasa ibunda.

**1. Penterjemah Pintar 2023**

Disokong oleh Jawatankuasa Terjemahan Nasional (NTC), pertandingan terjemahan Penterjemah Pintar kembali pada tahun ini. Dianjurkan sejak 2019, pertandingan ini bertujuan untuk melestarikan kerelevanan dan kepentingan berdwibahasa secara efektif dalam konteks seharian dalam kalangan Rakan Bahasa. Pada tahun ini, pertandingan ini akan dianjurkan bersama oleh MBMS, Jawatankuasa Bulan Bahasa dan buat julung-julung kalinya, bersama 4PM (Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu). Pertandingan ini akan diadakan pada 19 Mei 2023, di Perpustakaan Daerah Woodlands untuk pasukan sekolah rendah yang berdaftar sahaja.

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Khamis, 4 Mei 2023**



## **2. Kembara Rakan Bahasa (Rakan Bahasa Activity Cards)**

**Kembara Rakan Bahasa** merupakan kad aktiviti yang mencabar Rakan Bahasa untuk menyelesaikan tugas yang berbeza-beza, bagi mengasah kemahiran dan minat dalam bahasa Melayu. Kad aktiviti yang khusus diperuntukkan bagi setiap peringkat sekolah yang berbeza iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Kad Kembara tahun 2023 menampilkan tugas-tugas baru yang berkaitan dengan kemahiran membaca, menulis, bertutur dan aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan pembelajaran bahasa Melayu. Sebagai tanda pencapaian, Rakan-rakan Bahasa yang menyelesaikan tugas-tugas ini akan menerima lencana eksklusif.

~ ~ ~

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Cik Liyana Nasyita  
Penolong Pengurus (Sekretariat, Majlis Bahasa Melayu Singapura)  
Jabatan Bahasa  
Lembaga Warisan Negara  
E-mel: [liyana\\_nasyita@nhb.gov.sg](mailto:liyana_nasyita@nhb.gov.sg)

### **Tentang Bulan Bahasa dan Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, Bulan Bahasa menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur [mbms.sg](http://mbms.sg), [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa).

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Khamis, 4 Mei 2023**



**Lampiran A: Pemenang Pertandingan TeeVers 2023**

**Kategori Sekolah Rendah**

<b>Tempat</b>	<b>Sekolah</b>
<b>Juara</b>	Sekolah Rendah Changkat
<b>Naib Juara</b>	Sekolah Rendah Ahmad Ibrahim
<b>Tempat Ketiga</b>	Sekolah Perempuan Haig

**Kategori Sekolah Menengah dan Maktab Rendah**

<b>Tempat</b>	<b>Sekolah</b>
<b>Juara</b>	Sekolah Menengah Deyi
<b>Naib Juara</b>	Institusi St Joseph
<b>Tempat Ketiga</b>	Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah